



08 APR, 2024

10,000 kakitangan TNB bertugas sepanjang hari raya

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



KAKITANGAN TNB bertugas sepanjang tempoh kritisik 72 jam pada hari pertama Aidilfitri.

10,000 kakitangan TNB bertugas sepanjang hari raya

PETALING JAYA – Seramai 10,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pelbagai peringkat akan bertugas sepanjang tempoh kritisik 72 jam bermula hari pertama sambutan Aidilfitri.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, langkah tersebut diambil bagi menjamin kestabilan elektrik di 11 negeri di seluruh Semenanjung.

"Pemantauan ditingkatkan menjelang Syawal dengan kebiasaannya tempoh 72 jam mulai sehari sebelum 1 Syawal adalah kritisik berikutan orang ramai rancak membuat persiapan terutama pada malam Aidilfitri.

"Walaupun tugas ini adalah rutin harian warga kerja di bahagian perkhidmatan ma-

sing-masing, namun saya yakin setiap daripada warga kerja ini akan membérikannya yang terbaik demi pengguna di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Pada masa sama, Megat Jalaluddin mendoakan agar semua kakitangan bertugas sentiasa sihat dan mampu melaksanakan amanah.

"Mari kita doakan agar mereka sentiasa sihat dan selamat menyempurnakan amanah ini demi keselesaan semua yang menyambut lebaran," katanya.

Sementara itu, katanya, bagi menghargai sumbangan warga kerja terlibat, TNB mengekalkan tradisi menitipkan bingkisan kuih raya yang disediakan dengan kerjasama Persatuan Wanita TNB (Pelitawanis).